

Penghantaran ikan ke negeri terjejas banjir dipertingkatkan

Arahan pastikan bekalan cukup, elak berlaku kenaikan harga

Oleh Siti Azila Alias
sitiiazila@bh.com.my

Bukit Mertajam: Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) dan persatuan nelayan negeri sudah diarahkan untuk meningkatkan penghantaran bekalan ikan ke negeri yang terjejas dalam memastikan stok mencukupi selain mengelakkan berlakunya peningkatan harga.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil, mengakui banjir di beberapa negeri di Semenanjung, terutama di kawasan Pantai Timur menjejaskan industri perikanan serta mata pencarian nelayan.

Bagaimanapun, katanya, setakat ini bekalan masih mencukupi bagi menampung keperluan pengguna sepanjang tempoh berkenaan.

"LKIM sudah mengarahkan NEKMAT dan persatuan nelayan (negeri) serta pemain industri untuk meningkatkan bekalan



Muhammad Faiz bersama pelajar dari DUN Permatang Pasir dan Nelayan Ujung Batu di Permatang Pauh, Pulau Pinang, semalam.
(Foto Ramdzan Masiyam/BH)

ikan ke negeri yang terkesan dengan banjir.

"Bekalan ikan mencukupi tetapi kita berharap orang tengah dan peniaga supaya tidak menjadikan bencana banjir ini sebagai alasan untuk menaikkan harga," katanya kepada pemberita ketika ditemui pada Program Kembali ke Sekolah Anak-anak Dewan Undangan Negeri (DUN)

Permatang Pasir dan Anak-anak Nelayan Ujong Batu di sini, semalam.

Pada program itu, seramai 110 pelajar menerima baucar RM200 setiap seorang bagi membeli pakaian serta kelengkapan sekolah, dengan kerjasama pihak PETRONAS.

Mengulas lanjut, Muhammad Faiz berkata, LKIM tidak mempunyai kuasa untuk memantau

harga ikan kerana terletak di bawah tanggungjawab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNKK).

Namun begitu, katanya, pihaknya sentiasa bekerjasama dengan agensi terbabit bagi memastikan harga ikan tidak dinaikkan se-wenang-wenangnya demi kepentingan rakyat.